




KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK), SUKU KEDUA 2025


Ekonomi Malaysia bertumbuh 4.4 peratus dengan nilai RM419.3 bilion, disokong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan.




PRESTASI KDNK MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI DAN JENIS PERBELANJAAN

- Perubahan Peratusan Tahunan **ST2 2025** **ST1 2025**

JENIS AKTIVITI EKONOMI



JENIS PERBELANJAAN




Nota: Tidak termasuk duti import.


Sumber: Akaun Negara, Keluaran Dalam Negeri Kasar, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Pertumbuhan KDNK Malaysia (%)


Bulanan
(Jan 2022 – Jun 2025)



Suku Tahunan
(ST1 2022 – ST2 2025)



Tahunan
(1996 – 2024)



Malaysia mencatatkan pertumbuhan 4.4 peratus pada suku tahun kedua, didorong oleh penggunaan domestik dan pelaburan walaupun permintaan luaran lebih perlahan

- Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia **meningkat 4.4 peratus pada suku tahun kedua 2025**, mengekalkan kadar pertumbuhan yang sama seperti suku tahun pertama. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, KDNK meningkat 2.1 peratus (ST1 2025: 0.7%) pada suku tahun ini.
- Prestasi ekonomi bulanan masing-masing bertumbuh 4.4 peratus dan 3.3 peratus pada bulan April dan Mei, sebelum meningkat 5.5 peratus pada bulan Jun 2025.
- Justeru, ekonomi berkembang 4.4 peratus pada separuh tahun pertama 2025 berbanding 5.0 peratus bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya.

KDNK mengikut Kaedah Pengeluaran

- Sektor **Perkhidmatan** berkembang 5.1 peratus (ST1 2025: 5.0%) pada suku tahun kedua 2025, disokong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit sebanyak 4.3 peratus.
- Sektor **Pembuatan** menyederhana 3.7 peratus (ST1 2025: 4.1%) pada suku tahun ini, didorong oleh industri berorientasikan domestik, terutamanya Produk prosesan makanan dan produk berkaitan pembinaan.
- Sektor **Pembinaan** mencatatkan pertumbuhan kukuh 12.1 peratus (ST1 2025: 14.2%), mengekalkan pertumbuhan dua digit selama enam suku tahun berturut-turut. Prestasi memberangsangkan ini dipacu terutamanya oleh segmen Bangunan bukan kediaman yang melonjak 17.0 peratus, disokong oleh pembangunan berskala besar dalam projek perindustrian, komersial dan infrastruktur.
- Sektor **Pertanian** meningkat 2.1 peratus (ST1 2025: 0.7%) didorong oleh prestasi kukuh dalam subsektor Kelapa sawit sebanyak 5.3 peratus, disokong oleh pengeluaran buah tandan segar.



- Sektor **Perlombongan & pengkuarian** menyusut 5.2 peratus (ST1 2025: -2.7%), disebabkan oleh penguncupan dalam subsektor Gas asli (-8.1%) dan Minyak mentah & kondensat (-1.6%), berikutan pengeluaran yang lebih rendah akibat penyelenggaraan yang dirancang.

KDNK mengikut Kaedah Perbelanjaan

- **Perbelanjaan penggunaan akhir swasta** bertumbuh 5.3 peratus, meningkat berbanding 5.0 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disokong oleh perbelanjaan dalam Restoran & hotel (14.3%) Pengangkutan (9.4%) dan Makanan & minuman bukan alkohol (4.2%), selari dengan momentum yang kukuh dalam perjalanan, pelancongan dan aktiviti berkaitan percutian.
- **Pembentukan modal tetap kasar** meningkat 12.1 peratus berbanding 9.7 peratus pada suku tahun sebelumnya, disumbangkan oleh pelaburan dalam Jentera & peralatan yang bertumbuh 16.6 peratus berikutan perbelanjaan modal yang lebih tinggi dalam teknologi maklumat dan komunikasi.
- **Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan** meningkat 6.4 peratus (ST1 2025: 4.3%), dipengaruhi oleh perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan.
- **Import** menokok 6.6 peratus (ST1 2025: 3.1%) disebabkan oleh permintaan dalam barangan modal yang lebih tinggi sementara **Eksport** bertumbuh lebih perlahan 2.6 peratus (ST1 2025: 4.1%). Ini menjadikan **Eksport bersih** menyusut ketara -72.6 peratus.

